



## **SIARAN MEDIA**

### **PASUKAN PETUGAS EKONOMI DIGITAL (DETF) PEMACU PEMULIHAN EKONOMI NEGARA**

**PUTRAJAYA, 26 JULAI 2020** - Menteri Komunikasi dan Multimedia, YB Dato' Saifuddin Abdullah dan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Khairy Jamaluddin telah mempengerusikan bersama mesyuarat pertama Pasukan Petugas Ekonomi Digital (DETF) di Cyberjaya pada 24 Julai 2020. DETF dianggotai 32 ahli terdiri daripada pegawai kanan Kementerian dan agensi Kerajaan berkaitan, wakil industri serta wakil Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Pemeriksaan Ekonomi Digital merupakan antara agenda utama negara. Sehubungan itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui DETF akan bersama-sama menerajui usaha-usaha memulih dan merangsang sektor-sektor ekonomi negara yang terjejas akibat COVID-19 dan ia mampu dipercepatkan melalui pemacuan Ekonomi Digital. Hasrat ini dapat direalisasikan dengan norma baharu (new norm) yang diamalkan masyarakat dunia termasuk di negara ini di mana Ekonomi Digital kini telah menjadi sebahagian daripada hidup rakyat Malaysia. Dalam pada itu, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh setiap Kementerian, agensi dan sektor swasta dalam kerangka Ekonomi Digital ini akan turut menyumbang kepada kejayaan negara dalam meningkatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Selain itu, Pendigitalan Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan juga telah dimasukkan ke dalam program Lonjakan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) di bawah Dasar Sains, Teknologi, Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 menerusi aktiviti Tsunami Digital. MOSTI melalui MIMOS dan Cradle Fund Sdn. Bhd. akan memperluaskan penggunaan analisis data raya (big data) dan kecerdasan buatan (artificial intelligence) bagi memastikan nilai tambah dapat diwujudkan.

Justeru itu, penubuhan DETF ini merupakan peluang terbaik dan tepat pada masanya serta memainkan peranan penting dalam menyelaras pelaksanaan pelbagai inisiatif ekonomi digital bagi memacu pemulihan ekonomi negara berikutan pandemik COVID-19 berpandukan teras utama di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 5 Jun 2020. Gerak kerja DETF berpandukan empat teras utama iaitu memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan, merangsang ekonomi dan pemboleh daya.

Mesyuarat DETF ini telah membincangkan 15 program berimpak tinggi di bawah empat teras tersebut dalam mempercepat pendigitalan ekonomi negara dan menjadikan Malaysia negara digital dan berteknologi tinggi, iaitu;

**Teras 1: Memperkasakan Rakyat**

1. Pembangunan bakat ekonomi digital
2. Ekonomi Gig
3. E-Pembelajaran (pendidikan digital)
4. Penerimaan pembayaran tanpa tunai

**Teras 2: Melonjakkan Perniagaan**

5. Penerimaan e-dagang
6. Pendigitalan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)
7. Platform Teknologi
8. Inovasi Syarikat Pemula
9. Industri Kreatif Digital
10. E-Perolehan Kerajaan dalam kalangan PKS

**Teras 3: Merangsang Ekonomi**

11. Menarik pelaburan
12. Pendigitalan sektor awam

**Teras 4: Pemboleh Daya**

13. Infrastruktur digital
14. Keselamatan siber
15. Perkongsian data

Selain daripada itu, mesyuarat bersetuju bahawa platform DETF ini adalah landasan yang terbaik bagi memastikan penyelarasan antara agensi yang lebih teratur serta mampu mengelakkan pertindihan aktiviti berkaitan pembangunan ekonomi digital negara. Mesyuarat juga menegaskan keutamaan penglibatan industri tempatan, termasuk syarikat awalan dalam pembekalan produk dan perkhidmatan digital kepada sektor awam dan swasta bagi memperkasakan pembangunan industri digital negara. Aspek kepercayaan dan keselamatan siber juga diberi penekanan untuk menggalakkan penggunaan platform digital dalam transaksi perniagaan dan perkongsian data.

Kesemua inisiatif yang dilaksanakan di bawah DETF ini juga akan memantapkan aspirasi negara ke arah melaksanakan negara berteknologi tinggi (high tech nation) di bawah Revolusi Perindustrian Keempat.

Mesyuarat DETF akan diadakan secara berkala dan hasil mesyuarat dilaporkan kepada Jemaah Menteri untuk memastikan kejayaan pelaksanaan setiap projek berimpak tinggi dapat dicapai demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

**Dikeluarkan oleh:**

**Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
dan  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**